

16 JAN 1997

Chua-Tele-perubatan

TELE-PERUBATAN ATASI KEKURANGAN AHLI RADIOLOGI DAN ONKOLOGI

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Penerimaan pakai kaedah tele-perubatan di Malaysia akan membolehkan negara mengatasi masalah kekurangan ahli radiologi dan onkologi, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Katanya negara hanya mempunyai 18 ahli radiologi dan onkologi, jumlah yang kecil berbanding kes-kes baru penyakit barah yang kini berjumlah 31,000 dalam hospital-hospital kerajaan setiap tahun.

Tele-perubatan merupakan sumbangan sektor kesihatan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC), katanya pada persidangan berita selepas menyaksikan perjanjian usahasama antara Gleneagles Hospital (KL) Sdn Bhd dan Aus Health International Pty Ltd untuk secara bersama mengendalikan Pusat Onkologi di Pusat Perubatan Gleneagles Intan di sini.

Chua berkata tele-perubatan akan memperluaskan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Kuala Lumpur dan MSC sebagai pusat kecemerlangan untuk teknologi maklumat.

"Malaysia akan memperolehi banyak faedah menerusi kerjasama institut tele-barah atau tele-onkologi atau tele-radiologi dengan New South Wales menerusi usahasama ini, yang seterusnya dapat mengatasi kekurangan ahli radiologi dan onkologi dalam negara," katanya.

Kerjasama ini dalam bentuk gambar daripada mesin pengesan atau mesin pembentuk gambar pesakit barah dihantar kepada ahli radiologi atau onkologi di New South Wales, yang kemudian menerusi tele-persidangan menetapkan rawatan dan rundingan.

"Bagi pesakit barah, hubungan seumpama ini menerusi tele-perubatan akan membolehkan mereka mendapatkan nasihat terus dari pakar terkemuka di Australia, sedangkan kos pembayarannya dalam ringgit Malaysia," kata Chua.

Menerusi kaedah ini, katanya pesakit dapat menjimatkan perbelanjaan perubatan sebanyak 30 hingga 40 peratus.

"Perjanjian yang ditandatangani ini akan membolehkan hubungan antara Pusat Onkologi di Pusat Perubatan Gleaneagles Intan di sini dengan tiga hospital di Sydney - St Vincent, St Georges dan Prince of Wales," katanya.

Pusat Onkologi itu menyediakan perkhidmatan daripada pengesanan awal barah kepada terapi, rundingan nasihat dan pemulihan selain menganjurkan program pencegahan, forum pendidikan dan bengkel untuk pesakit barah dan anggota keluarga mereka.

Pengerusi Gleaneagles Hospital Tan Sri Abu Talib Othman dan pengerusi Aus Health International Dr Donald James Grimes menandatangani perjanjian itu.

-- BERNAMA

NHD AHH